



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PERLIS

IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa kepada warganegara Malaysia yang berkelayakan (keutamaan anak kelahiran Negeri Perlis atau pemastautin di Negeri Perlis) untuk mengisi jawatan seperti keterangan berikut:

1.

a)	Jawatan	:	Guru Tahfiz Al-Quran
b)	Jabatan	:	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis
c)	Lokasi Penempatan	:	Pusat Koreksional Perlis
d)	Taraf Jawatan	:	Kontrak
e)	Jadual Elaun	:	RM 150.00 / hari
f)	Jadual Bertugas	:	Isnin hingga Khamis / 8.30 pagi hingga 12.30 tengah hari

2. **Syarat Lantikan** :

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

- i. Lelaki;
- ii. Warganegara Malaysia;
- iii. Berumur **tidak kurang dari 18 tahun** pada tarikh tutup iklan jawatan;
- iv. Tidak pernah dijatuhkan hukuman atas kesalahan jenayah di dalam atau di luar Negeri Perlis daripada mana-mana Mahkamah Syariah, Mahkamah Tentera atau Mahkamah Sivil;
- v. Kepujian Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

- vi. Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dengan mendapat prinsipal dalam subjek Syariah, Usuluddin atau Bahasa Arab; atau
- vii. Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; atau
- viii. Diploma dalam bidang tahfiz Al-Quran, pengajian Islam atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
- ix. Memiliki Tauliah Mengajar Agama Islam atau Tauliah Mengajar Al-Quran yang dikeluarkan oleh Jabatan Mufti Negeri Perlis.

3. Syarat Bahasa Melayu dan Bahasa Arab :

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu dan Bahasa Arab pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat :

Kontrak selama satu (1) tahun seperti mana yang telah dipersetujui di dalam perjanjian kontrak dan tertakluk kepada keputusan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis (JAIPs) bagi penyambungan kontrak.

5. Deskripsi Tugas :

- Bertanggungjawab dalam mengajar dan membimbing hafazan Al-Quran secara talaqqi dan tasmi', menyemak bacaan dan hafazan pelajar mengikut kaedah yang ditetapkan serta memastikan bacaan menepati hukum tajwid, makhraj dan fasahah berdasarkan kepada modul-modul yang akan disediakan;
- Menjalankan pemantauan dan penilaian termasuk menyediakan jadual hafazan, mengurus ujian hafazan, penilaian prestasi, dan rekod kemajuan pelajar serta mengambil langkah intervensi bagi pelajar yang lemah dalam hafazan;

- Membimbing pelajar dalam pembentukan akhlak dan disiplin berteraskan Al-Quran dengan menganjurkan aktiviti kerohanian seperti tadarus dan program motivasi;
- Melaksanakan pentadbiran dan dokumentasi dengan menyimpan rekod prestasi, kehadiran dan laporan berkaitan hafazan serta menyediakan laporan berkala kepada pihak pengurusan atau jabatan berkaitan;
- Mengikuti latihan, kursus atau bengkel berkaitan untuk meningkatkan kualiti pengajaran; dan
- Melaksanakan apa-apa arahan tambahan yang diberikan oleh pihak pengurusan dari semasa ke semasa.

6. **Permohonan :**

- Muat turun iklan & borang permohonan di laman sesawang <https://jaips.perlis.gov.my> atau **facebook Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis - JAIPs Laman Rasmi**; dan
- Borang permohonan, Resume pemohon dan salinan dokumen sokongan yang lengkap hendaklah dihantar ke alamat seperti berikut:-

**Pengarah
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis
Kompleks Islam Perlis
Persiaran Jubli Emas
01000 Kangar
PERLIS
(u.p.: Bahagian Dakwah)**

- Permohonan yang lewat diterima, tidak lengkap atau tidak memenuhi syarat tidak akan dipertimbangkan; dan
- Calon yang layak dan memenuhi syarat sahaja akan dipanggil untuk temuduga pada tarikh yang akan ditentukan kelak.

7. **Tarikh Tutup Permohonan**

Pada 8 Ogos 2025 (Jumaat) jam 4.00 petang.